BH ONLINE

Jumaat, 19 Mac 2021, 4:42pm

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# KJ individu pertama disuntik vaksin Sinovac

Mohd Amin Jalil - Mac 18, 2021 @ 3:02pm
bhnews@bh.com.my

Khairy individu pertama di Malaysia terima suntikan Sinovac

REMBAU: Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin menjadi individu pertama di negara ini menerima suntikan vaksin Sinovac bagi mencegah COVID-19, di Pusat Penerimaan Vaksin Hospital Rembau, di sini, hari ini.

Beliau menerima suntikan itu pada jam 1.32 tengahari yang dilakukan oleh Ketua

Penyelia Jururawat Hospital Rembau, Salha Abd Samad.

Proses suntikan tidak sampai tidak sampai satu minit.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- COVID-19: Ujian klinikal vaksin Sinovac diteruskan di Indonesia
- Jokowi jadi penerima pertama vaksin COVID-19 di Indonesia
- Indonesia mula agih vaksin COVID-19 Sinovac
- Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ

Bercakap kepada media, beliau berkata Sinovac adalah vaksin buatan syarikat biofarmaseutikal China yang telah diluluskan oleh Bahagian Regulasi Farmasi

Kementerian Kesihatan (MPRA).




TERKINI PILIHAN PEMBACA

7m Ericsson sedia bantu Malaysia terokai 5G
8m '47 pertuduhan dihadapi Zahid bukan bermotifkan politik'
11m PERKESO tawar insentif bagi pengambilan kerja jangka pendek, gig
18m Kes budak mati dalam kereta, pengetua tadika dibebaskan dengan jaminan polis
21m Bekas Pengerusi ANGKASA Perlis didenda RM15,000
22m Kilang makanan didenda RM225,000 cemarkan Sungai Balak
28m STAFOC, STAGG tidak diwujudkan semula - Hamzah
30m Ramai melarikan diri dari Yangon




VAKSIN



EROPAH 4 jam yang lepas
Bayi disuntik vaksin COVID-19 secara tidak sengaja



EROPAH 9 jam yang lepas
Suntikan vaksin COVID-19 tidak batalkan puasa

"Sinovac adalah vaksin jenis virus tidak aktif dan ia diterima pada 12 Mac lalu dan

diluluskan pada 2 Mac lalu.

"Keputusan menjadi orang pertama atas prinsip kepercayaan terhadap proses penilaian dan keputusan yang dibuat oleh MPRA dalam memastikan tahap keselamatan, keberkesanan dan kestabilan vaksin yang diberikan di Malaysia.

"Sinovac sama seperti Pfizer BioNTech yang diberikan kepada penduduk negara ini adalah berkesan dan selamat.

"Alhamdulillah, sepanjang 30 minit dalam pemerhatian iaitu tempoh minimum, saya tidak mengalami atau merasai apa-apa kesan, malah suntikan berjalan lancar sehingga saya sendiri tidak sedar ia selesai begitu cepat," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI),

Datuk Ir Dr Siti Hamisah Tapsir, Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datin Dr Harlina

Abdul Rashid dan Pengarah Hospital Rembau, Dr Fatin Mahirah Mahmud.

Turut sama menerima suntikan vaksin itu adalah 10 petugas barisan hadapan membabitkan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan kakitangan Hospital Rembau.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, vaksin Sinovac tidak perlu diragui kerana ia diterima pakai dan setakat ini lebih 60 juta dos telah disuntik di seluruh dunia.

Beliau berkata, vaksin berkenaan juga diterima di beberapa negara seperti China, Emiriah

Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Turki, Brazil, Chile, Uruguay, Kemboja, Mexico, Hong

Kong dan Thailand.

"Malah suntikan Sinovac juga telah diberikan kepada Presiden Indonesia, Jokowi dan

juga Presiden Turki.

"Walaupun negara kita baru sahaja diberikan vaksin ini, sehingga 15 Mac lebih 15 peratus dos global yang diberikan adalah Sinovac.

"Ini terbukti banyak lagi negara lain yang turut mengakui tahap keselamatan, keberkesanan dan kestabilan vaksin ini yang diberikan kepada penduduk mereka," katanya.



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 4:58pm

Dr Adham, Mohd Zuki terima dos kedua vaksin COVID-19




NASIONAL Mac 18, 2021 @ 4:47pm

Penduduk Lembah Klang wajar divaksin dahulu



NASIONAL Mac 18, 2021 @ 3:02pm

KJ individu pertama disuntik vaksin Sinovac




NASIONAL Mac 18, 2021 @ 10:12am

Ada negeri belum mula vaksinasi petugas kesihatan swasta

TRENDING



NASIONAL 2 jam yang lepas

Pengusaha kedai runcit mengaku tak bersalah cabul jururawat



NASIONAL 3 jam yang lepas

COVID-19: Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka diarah tutup sementara



SELEBRITI 3 jam yang lepas

Neelofa doa kebahagiaan Nabila



EROPAH 4 jam yang lepas

Bayi disuntik vaksin COVID-19 secara tidak sengaja



SELEBRITI 5 jam yang lepas

Nabila, Emran bergelar suami isteri

MYRESIPI




INFOMASI 3 jam yang lepas

Spaghetti Masak Lemak Udang



INFOMASI 4 jam yang lepas

Kerabu Lobak Putih Jeruk, Makan Bersama Nasi Panas Je Dah Ngam!



INFOMASI 4 jam yang lepas

Menu Tradisi Kaum Bidayuh, Ini Resepi Sambal Serai Mudah & Sedap



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm

Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm

Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese



Resepi Tauhu Rukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat




Khairy menerima suntikan vaksin COVID-19 Sinovac di Hospital Rembau hari ini. - NSTP/Azrul Edham Mohd Aminuddin

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 26, 2021 @ 9:03pm

**Vaksin Sinovac sedang dinilai NPRA**




NASIONAL Feb 26, 2021 @ 8:18pm

**NPRA belum luluskan vaksin Sinovac**



NASIONAL Mac 10, 2021 @ 8:48pm

**585 bebuli vaksin COVID-19 dipulangkan ke syarikat Pfizer - Khairy**




NASIONAL Mac 15, 2021 @ 8:32pm

**Dos kedua vaksin fasa pertama pada Rabu ini**

**Disyorkan untuk anda**

Recommended by



**COVID-19 - Latest news and coverage**

CNA




**Invest now $ 250 in Companies like Netflix and get a...**

Smart Invest



**As the first COVID-19 vaccines gets...**

CNA - In Conversation

Watch More



**Dwayne 'The Rock' Johnson Picks Up $9.5...**

Mansion Global



**Tommy Hilfiger Snaps up $9 Million New Buil...**

Mansion Global



**Putrajaya: Get Unsold cars from 2019 For A...**

New Cars | Search Ads



**15 People From Famous Memes Look Then Vs....**

TooCool2BeTrue



**Unsold 2020 SUVS Going For Pennies On The...**

SUV Deals | Search Ads

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi